

27 NOV 1998

Mahathir-Kabinet

DR MAHATHIR BERTEMU MENTERI-MENTERI KABINET SABAH

KOTA KINABALU, 27 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memulakan lawatan rasmi dua hari ke Sabah hari ini dengan mengadakan perjumpaan dengan menteri-menteri Kabinet negeri.

Perjumpaan tertutup itu, yang diadakan sejurus selepas ketibaan beliau ke sini, berlangsung selama kira-kira sejam.

Kecuali Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Yong Teck Lee yang sedang menjalani rawatan perubatan di Singapura, semua menteri kabinet yang diketuai Ketua Menteri Tan Sri Bernard Dompok, menghadiri perjumpaan itu.

Kemudian, Perdana Menteri yang diiringi Timbalan Ketua Menteri Datuk Osu Sukam menyertai Yang Dipertua Negeri Sabah Tun Haji Sakaran Dandai dan orang ramai menunaikan solat Jumaat di Masjid Negeri di sini.

Ditanya kemudiannya apa yang dibincangkan pada perjumpaan itu, Dompok berkata antara lain kabinet negeri telah menyatakan sokongan kepada Perdana Menteri dan dasar-dasar yang digunapakai oleh negara bagi menangani masalah ekonomi sekarang.

"Kabinet negeri juga mahu mengambil peluang mengadakan sesi ini dengan Perdana Menteri dan sebagai ketua Kabinet negeri, saya menyatakan sokongan kabinet kepada Dr Mahathir mengenai dasar ekonomi serta arena politik yang menyaksikan orang daripada luar negara seolah-olah mahu masuk campur dalam mentadbirkan Malaysia," katanya.

Mengenai sama ada perbincangan itu menyentuh pilihan raya negeri yang akan diadakan, Dompok berkata perkara itu turut dibincangkan tetapi "tidak terlalu banyak".

"Saya rasa kerajaan (negeri) mahu lebih menekankan mengenai menangani masalah ekonomi," katanya.

Dompok berkata mereka juga membincangkan isu-isu seperti pembangunan infrastruktur, bekalan air dan projek-projek di kawasan luar bandar serta beberapa permintaan industri pelancongan negeri.

"Saya turut mengemukakan permintaan kami agar industri pelancongan Sabah dibangunkan dengan memanfaatkan sumber alam semula jadinya. Kita mahu mempromosikan negeri ini sebagai tempat yang sesuai untuk percutian dan dalam proses itu turut membantu negara mendapatkan tukaran wang asing," katanya.

Kemudiannya, Dr Mahathir mengadakan mesyuarat dengan wakil-wakil Majlis Gereja Sabah (SCC) diketuai oleh presidennya, Datuk Bishop Yong Ping Chung.

"Ia adalah perbincangan yang positif. Perhatiannya masih kepada perkara yang sama. Beliau tidak berubah...", kata Bishop Yong kepada pemberita selepas mesyuarat itu.

Katanya Perdana Menteri menggesa rakyat Sabah tidak kira dari apa agamapun supaya bersatupadu untuk negara.

"Dalam mesyuarat itu, kami melahirkan penghargaan kepada kerajaan negeri kerana mengadakan peruntukan tahunan kepada kepada pertubuhan bukan Islam dan juga pendiriannya (kerajaan negeri) yang teguh mengenai perjudian," katanya.

-- BERNAMA

NT WAT